



**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **BARISAN ARTIS POPULAR JAYAKAN PEMENTASAN MUZIKAL RANDAI DI ISTANA BUDAYA**

KUALA LUMPUR, 23 Feb – Barisan artis popular seperti Remy Ishak, Azhan Rani, Ashraf Muslim dan Puteri Aishah Sulaiman akan menjayakan pementasan Panggung Seni Ekstravaganza Muzikal Randai “Cindua Mato” pada 25-27 Mac ini di Panggung Sari, Istana Budaya (IB).

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Datuk Norliza Rofli dalam satu sidang media hari ini, pementasan ini ialah sebahagian daripada usaha untuk memastikan kelangsungan kesenian Randai dalam masyarakat moden bagi memastikan warisan negara ini dipertahankan untuk generasi akan datang.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan apresiasi masyarakat terhadap kesenian klasik yang autentik dan kaya dengan nilai seni dan moral.

Randai ialah kesenian tradisional yang terkenal dalam kalangan masyarakat Minangkabau yang berasal daripada Sumatera Barat telah berkembang ke seluruh pelusuk alam Melayu di nusantara.

Justeru kekuatan randai adalah melangkaui sempadan geografi kerana ia berkembang dalam rumpun masyarakat Melayu berketurunan Minang di Malaysia.

Melalui usaha JKKN dengan kerjasama IB, naskhah Randai kini berpeluang dipentaskan di sebuah pentas bertaraf dunia. Namun begitu, Menurut Norliza, pementasan ini masih mengekalkan struktur asal dalam persembahan randai, contohnya seperti gelombang (bulatan), kaba (unsur penceritaan), dendang (lirik lagu / berlagu) dan juga kostum yang melambangkan status sosial mengikut watak di samping aspek watak, nyanyian, gerak pencak serta gaya bahasa.

“Walau bagaimanapun gaya bahasa yang dituturkan dalam muzikal ini menggunakan dialek Minang yang lebih mudah difahami khususnya di Malaysia,” katanya.

Dato’ Mohamed Juhari Shaarani, Ketua Pengarah IB yang turut hadir juga menyokong penuh usaha JKKN ini dalam mengisi slot teater tradisional di IB sekaligus membantu memartabatkan dan mempopularkan pementasan teater tradisi dalam skala besar. Usahasama ini akan terus menjadi antara agenda penting dalam usaha kedua-dua jabatan.

Muzikal Randai yang berasaskan bahasa dan loghat harian masyarakat Minang ini akan diarahkan oleh Lokman Ghani dari IB. Dr. Indra Utama bertindak sebagai koreografer dibantu oleh empat orang koreografer Kumpulan Kesenian JKKN iaitu Siti Suhailah Taman, Amran Nunet, Zaidi Karim dan Nik Azwadi. Muzikal ini turut mendapat sentuhan artistik daripada Hazize San, dari IB.

Seramai 40 orang artis budaya dan pemuzik akan terlibat dalam pementasan ini yang melibatkan gabungan Kumpulan Kesenian JKKN Negeri Sembilan, Ibu Pejabat dan Wilayah Persekutuan Kuala serta pemuzik tradisional yang terdiri dari gabungan pemuzik Istana Budaya dan Kumpulan Kesenian JKKN.

15 orang pesilat dari Persekutuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi, Malaysia serta Kumpulan Kebudayaan dan Kesenian Kampung Gagu, Jelebu, Negeri Sembilan turut memeriahkan lagi pementasan ini.

Tiket bagi menyaksikan persembahan Randai ini berharga RM25, RM55 dan RM 85 dan boleh didapati dengan melayari [www.airasiaredtix.com](http://www.airasiaredtix.com) atau dengan membelinya di kaunter tiket box-office Istana Budaya atau outlet Rock Corner di The Gardens, Mid Valley, KLCC, Subang Parade dan The Curve, serta di outlet Victoria Music di Sungei Wang, Amcorp Mall dan Tropicana.

JKKN ialah sebuah agensi yang menjalankan aktiviti kebudayaan dan kesenian di Malaysia.

Pementasan Randai ini ialah merupakan kesinambungan kepada usaha JKKN untuk memartabatkan teater tradisional negara setelah mementaskan teater Mek Mulung di IB yang mendapat sambutan hangat tahun lepas.

Disediakan oleh:

**Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan dan Unit Komunikasi Korporat**

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara**

**Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan MALAYSIA**

**03-2614 8200**

**[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)**

## LAMPIRAN

### PERKEMBANGAN TEATER TRADISIONAL RANDAI

Usaha pembangunan dan penyemarakan Randai telah dilaksanakan sejak tahun 2005 melalui aktiviti penyelidikan dan perantisan. Pada ketika itu, Badan Bukan Kerajaan (NGO / BBK) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam sahaja yang aktif mementaskan randai ini. Kumpulan tersebut adalah seperti Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kumpulan Randai Panglimo yang menggabungkan ahli daripada pelajar lepasan ASWARA / ASK, UKM serta Universiti Malaya dan penggiat seni yang aktif.

Kumpulan Kesenian JKKN Negeri Sembilan dengan kerjasama Yayasan Negeri Sembilan, ASWARA dan Institut Seni Padang Panjang, Sumatera Barat telah mementaskan Randai Bekaba Kasih Menanti dan Minang Serantau (Gabungan Randai Se-Nusantara).

JKKN telah juga menjalankan usaha pembangunan dan penyemarakan Randai dengan mengadakan slot pementasan sempena program :

- Merayakan Seni Budaya di PPRT Lembah Pantai
- Citra Budaya Malaysia - 2003
- Festival Kesenian Rakyat Malaysia – 2004 & 2005
- Festival Kuala Lumpur – 2008
- Teater Keliling 'Randai Siti Zubaidah' oleh Johan Drama Sebak Sekolah-sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Bandaraya. - 2005

### OBJEKTIF

- Mengangkat Kesenian Randai di pentas yang berprestij seperti di Istana Budaya
- Mempertingkatkan pengetahuan, kefahaman dan apresiasi khalayak masyarakat terhadap kesenian tradisional yang klasik, autentik dan kaya dengan nilai seni dan moral.

- Memupuk serta meneruskan pemuliharaan kesenian tradisional ini untuk memastikan warisan berharga negara ini dipertahankan dan dipelihara serta dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang.

## **PERSEMBAHAN RANDAI DI ISTANA BUDAYA**

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MASA /TEMPAT</b>	<b>HARGA TIKET</b>
1.	25 & 26 Mac 2016 ( Jumaat & Sabtu)	8.30 Malam Panggung Sari Istana Budaya	RM 25.00 RM 55.00
2.	27 Mac 2016 ( Ahad )	3.00 Petang Panggung Sari Istana Budaya	RM 85.00

### **ARTIS /PELAKON UNDANGAN**

#### **REMY ISHAK**

Sebagai Cindua Mato

#### **AZHAN RANI**

Sebagai Dang Tuanku

#### **Dato' Jalaluddin Hassan**

Sebagai Rajo Tiang Bungkok

#### **DATO' AHMAD TAMIMI SIREGAR**

Sebagai DATUK BANDARO

#### **ASHRAF MUSLIM**

Sebagai RAJO MUDO

**ZUHAIRI IBRAHIM**

Sebagai IMBANG JAYO

**Wan Mohd Azlan Hussin**

Sebagai Che Wan Silat

**Buyung Zasdar**

Sebagai Tuan Kadi

**Khusiary Effendy**

Sebagai Datuk Mangkudum

**Ebby Yus**

Sebagai Duba

**VANIDAH IMRAN**

Sebagai BUNDO KANDUANG

**PUTERI AISHAH SULAIMAN**

Sebagai PUTERI BONGSU

**JUHARA AYOB**

Sebagai PUTI LINDUANG BULAN

**Norsiah Mohd Yatim**

Sebagai Kambang Bandahari

**TIKET**

Tiket bagi menyaksikan persembahan Teater Muzikal Randai: "Cindua Mata" ini berharga RM25, RM55 dan RM 85 dan boleh didapati dengan melayari [www.airasiaredtix.com](http://www.airasiaredtix.com) atau dengan membelinya di kaunter tiket box-office Istana Budaya atau di lokasi berikut

**1. Rock Corner :** The Gardens, Mid Valley (TEL: 03 - 2201 4893)

KLCC (TEL: 03 - 2181 5560)

Subang Parade (TEL: 03 - 5613 1139)

The Curve (TEL: 03 - 7733 1139)

**2. Victoria Music :** Sg Wang(TEL: 03 - 2148 7208)

Amcorp (TEL: 03 - 7956 0592)

Tropicana (TEL: 03 - 7722 2955)

## **PENUTUP**

Dimohon rakan-rakan media dapat menguar-uarkan persembahan Muzikal Randai Çindua Mato ini kepada masyarakat.

## **TERIMA KASIH**

Istana Budaya

Group Teater AKRAB

Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC)

Semua Rakan Media

## **Rakan Penaja**

Rona Sutra (Make Up) untuk Artis dan Kumpulan Kesenian JKKN